



**KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**BAGI PENERBITAN PERANGKAAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN,  
MALAYSIA, 2023**

---

**BILANGAN PERKAHWINAN MENURUN 0.5 PERATUS KEPADA 214,824  
MANAKALA PERCERAIAN MENINGKAT 43.1 PERATUS KEPADA 62,890  
PADA TAHUN 2022**

**PUTRAJAYA, 23 NOVEMBER 2023** – Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2023 yang membentangkan statistik perkahwinan dan perceraian bagi tahun 2021 & 2022 mengikut ciri-ciri demografi di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran. Statistik ini merupakan input penting kepada perancangan dasar sosial bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia. Statistik ini juga berguna sebagai sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Bilangan perkahwinan yang direkodkan pada 2022 adalah 214,824, menurun 0.5 peratus daripada 215,973 pada 2021. Umur penengah pengantin lelaki kekal pada umur 28.0 tahun manakala umur penengah pengantin perempuan meningkat kepada umur 27.0 tahun berbanding 26.0 tahun pada 2021. Penurunan bilangan perkahwinan ini disumbangkan oleh penurunan 4.1 peratus bilangan perkahwinan Orang Islam pada 2022 (168,726) berbanding 2021 (176,002). Tiga negeri yang menunjukkan penurunan tertinggi perkahwinan Orang Islam adalah W.P. Putrajaya (19.6%), diikuti Perak (12.8%) dan Terengganu (11.3%). Sebaliknya, bilangan perkahwinan Orang Bukan Islam pula merekodkan peningkatan 15.3 peratus daripada 39,971 (2021) kepada 46,098 (2022). Tiga negeri yang

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam **1200, Khamis, 23 November 2023**

menunjukkan peningkatan tertinggi perkahwinan Orang Bukan Islam iaitu Terengganu (40.2%), Johor (26.6%) dan Negeri Sembilan (21.1%)”.

Laporan ini turut membentangkan keseluruhan kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki menurun daripada 46.0 kepada 45.3 bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Trend yang sama juga bagi pengantin perempuan yang merekodkan penurunan daripada 47.6 kepada 47.1 bagi setiap seribu penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Selari dengan peningkatan keseluruhan bilangan perkahwinan, kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki Islam juga menurun daripada 60.4 kepada 57.3 bagi setiap seribu penduduk lelaki Islam berumur 18 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Kadar perkahwinan am bagi pengantin perempuan Islam turut mencatatkan penurunan daripada 62.0 kepada 59.1 bagi setiap seribu penduduk perempuan Islam berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Manakala, bagi Orang Bukan Islam, kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki Bukan Islam meningkat daripada 22.4 kepada 25.7 bagi setiap seribu penduduk lelaki Bukan Islam berumur 18 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Trend yang sama juga berlaku kepada pengantin perempuan Bukan Islam, meningkat daripada 23.6 kepada 27.0 bagi setiap seribu penduduk perempuan Bukan Islam berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut mengulas, “Pada tahun 2022, hampir tujuh peratus daripada jumlah perkahwinan adalah perkahwinan di antara pengantin lelaki dan perempuan yang berbeza kumpulan etnik. Bilangan perkahwinan antara etnik menurun 15.4 peratus, iaitu daripada 16,346 (2021) kepada 13,833. Perkahwinan antara etnik bagi Orang Islam adalah 44.2 peratus dan Orang Bukan Islam 55.8 peratus”.

Beliau menambah, perkahwinan tertinggi adalah pada kumpulan umur 25-29 tahun bagi kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan. Statistik juga menunjukkan umur pengantin lelaki dan pengantin perempuan paling tua direkodkan pada tahun 2022 masing-masing adalah berumur 92 tahun dan 86 tahun. Sementara itu, 2.9 peratus pengantin lelaki berumur 65 tahun dan lebih telah mengahwini pengantin perempuan yang lebih muda dalam kumpulan umur 24 tahun dan ke bawah. Manakala,

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam **1200, Khamis, 23 November 2023**

3.5 peratus pengantin perempuan berumur 65 tahun dan lebih telah berkahwin dengan pengantin lelaki dalam kumpulan umur 24 tahun dan ke bawah.

Daerah Petaling, Selangor mencatatkan bilangan perkahwinan tertinggi bagi Orang Islam dan Orang Bukan Islam pada 2022. Bilangan perkahwinan Orang Islam di Petaling, Selangor adalah 8,602 diikuti Johor Bahru, Johor (7,770) dan Ulu Langat, Selangor (6,347). Bagi Orang Bukan Islam, daerah Petaling, Selangor mencatatkan bilangan perkahwinan tertinggi iaitu 3,304 diikuti Johor Bahru, Johor (2,676) dan Klang, Selangor (2,307).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, "Bilangan perceraian meningkat 43.1 peratus daripada 43,936 (2021) kepada 62,890 (2022). Bilangan perceraian Orang Islam mencatatkan peningkatan 45.8 peratus pada 2022 (46,138) berbanding 2021 (31,650). Peningkatan ini disebabkan oleh kes-kes yang dibawa ke hadapan daripada tahun sebelumnya. Tiga negeri yang mencatatkan peningkatan tertinggi bilangan perceraian Orang Islam iaitu Kedah (113.6%), Sabah (94.5%) dan Perlis (83.5%). Sementara itu, perceraian Orang Bukan Islam juga turut meningkat 36.4 peratus daripada 12,286 (2021) kepada 16,752 (2022). Tiga negeri yang mencatatkan peningkatan tertinggi bilangan perceraian Orang Bukan Islam iaitu W.P. Putrajaya (500.0%) diikuti Johor (61.5%) dan Melaka (59.0%). Perceraian tertinggi adalah pada kumpulan umur 35-39 tahun bagi pengantin lelaki, manakala pengantin perempuan adalah pada kumpulan umur 30-34 tahun".

Selari dengan peningkatan bilangan perceraian, kadar perceraian am menunjukkan peningkatan bagi lelaki daripada 6.1 (2021) kepada 8.7 (2022) bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin. Trend yang sama juga direkodkan bagi perempuan, meningkat daripada 6.2 (2021) kepada 8.9 (2022) bagi setiap seribu penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin. Kadar perceraian am meningkat bagi lelaki Islam daripada 7.1 (2021) kepada 10.4 bagi setiap seribu penduduk lelaki Islam berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin pada 2022. Kadar perceraian am bagi perempuan Islam turut mencatatkan peningkatan daripada 7.3 (2021) kepada 10.6 bagi setiap seribu penduduk perempuan Islam berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin. Bagi Orang Bukan Islam, kadar perceraian am bagi lelaki Bukan Islam meningkat daripada 4.4 (2021)

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam **1200, Khamis, 23 November 2023**

kepada 6.1 (2022) bagi setiap seribu penduduk lelaki Bukan Islam berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin. Kadar perceraian am bagi perempuan Bukan Islam meningkat daripada 4.5 (2021) kepada 6.1 bagi setiap seribu penduduk perempuan Bukan Islam berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin pada 2022.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

**Nota:**


- i. Kadar perkahwinan am merujuk kepada bilangan perkahwinan lelaki bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih atau perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin.
- ii. Kadar perceraian am merujuk kepada bilangan perceraian lelaki bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih atau perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin.

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Khamis, 23 November 2023


**Carta 1: Bilangan perkahwinan dan Kadar Perkahwinan Kasar (CMR), Malaysia, 2016-2022**



**Carta 2 (a): Kadar Perkahwinan Am (GMR), Malaysia, 2016-2022**




**Carta 2 (b): Kadar Perkahwinan Am (GMR) Orang Islam, Malaysia, 2016-2022**




**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Khamis, 23 November 2023


### Carta 2 (c): Kadar Perkahwinan Am (GMR) Orang Bukan Islam, Malaysia, 2016-2022



### Carta 3 (a): Bilangan perceraian, Malaysia, 2016-2022




### Carta 3 (b): Kadar Perceraian Kasar (CDR), Malaysia, 2016-2022




**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Khamis, 23 November 2023


### Carta 4 (a): Kadar Perceraian Am (GDR), Malaysia, 2016-2022



### Carta 4 (b): Kadar Perceraian Am (GDR) Orang Islam, Malaysia, 2016-2022



### Carta 4 (c): Kadar Perceraian Am (GDR) Orang Bukan Islam, Malaysia, 2016-2022



**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Khamis, 23 November 2023

**Jadual 1: Bilangan perkahwinan dan Kadar Perkahwinan Kasar (CMR) mengikut negara terpilih, 2021 dan 2022**

Negara	2021		2022	
	Bilangan perkahwinan	CMR	Bilangan perkahwinan	CMR
Malaysia	215,973	6.7	214,824	6.6
Singapore	28,329	6.5	29,389	6.7
Kuwait	16,393	6.5	13,656	4.7
Palestine	45,018	8.6	43,430	8.1
Turkiye	561,710	6.7	574,358	6.7

Nota: Kadar adalah setiap 1,000 penduduk

Sumber: *National Statistical Offices*

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
23 NOVEMBER 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT**

**FOR THE PUBLICATION OF STATISTICS ON MARRIAGE AND DIVORCE,  
MALAYSIA, 2023**

---

**NUMBER OF MARRIAGES WAS 214,824, DECREASED 0.5 PER CENT WHILE  
DIVORCES WAS 62,890, INCREASED 43.1 PER CENT IN 2022**

**PUTRAJAYA, 23<sup>th</sup> NOVEMBER, 2023** – Department of Statistics, Malaysia has released the report on Marriage and Divorce Statistics, Malaysia, 2023 which presents the statistics on marriage and divorce for 2021 & 2022 by demographic characteristics at national, state and administrative district. Statistics on marriage and divorce are an important input used for the formulation of social policies to strengthen the family institutions in Malaysia. It is also a useful source of reference for researchers and academia.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The number of marriages was 214,824 in 2022, a decrease of 0.5 per cent as compared to 215,973 in 2021. The median age for grooms remained at aged 28.0 years in 2022 while median age for brides increased to 27.0 years as compared to 26.0 years in 2021. The decrease in the number of marriages was contributed by a decrease of 4.1 per cent in the number of Muslim marriages in 2022 (168,726) as compared to 2021 (176,002). Three states that registered the high decrease of Muslim marriages were W.P. Putrajaya (19.6%), followed by Perak (12.8%) and Terengganu (11.3%). Meanwhile, the number of Non-Muslim marriages increased at 15.3 per cent from 39,971 (2021) to 46,098 (2022). Three states recorded the high increase of Non-Muslim marriages were Terengganu (40.2%), Johor (26.6%) and Negeri Sembilan (21.1%)".

*This report also shows that overall general marriage rate for grooms decreased from 46.0 to 45.3 per thousand population of unmarried males aged 18 years and over. A similar trend was also recorded for brides, which decreased from 47.6 to 47.1 per thousand population of unmarried females aged 16 years and over. In tandem with the increase in the overall number of marriages, general marriage rate for Muslim grooms also decreased from 60.4 to 57.3 per thousand population of unmarried Muslim males aged 18 years and over. A similar trend was also recorded for Muslim brides, which decreased from 62.0 to 59.1 per thousand population of unmarried Muslim females aged 16 years and over. Meanwhile, general marriage rate for Non-Muslim grooms increased from 22.4 to 25.7 per thousand population of unmarried Non-Muslim males aged 18 years and over. Similarly, general marriage rate for Non-Muslim brides increased from 23.6 to 27.0 per thousand population of unmarried Non-Muslim females aged 16 years and over.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "Almost seven per cent of total marriages in 2022 were between grooms and brides of different ethnic groups. The number of inter-ethnic marriages decreased 15.4 per cent from 16,346 (2021) to 13,883. The inter-ethnic marriages among Muslim was 44.2 per cent and 55.8 per cent for Non-Muslim".*

*He added that the highest number of marriages falls under the age group 25-29 years for both grooms and brides. The statistics also showed that the oldest groom and bride in 2022 were 92 and 86 years old, respectively. On the other hand, 2.9 per cent males aged 65 years and over married younger females aged 24 years and below while 3.5 per cent females aged 65 years and over married younger males 24 years old and below.*

*Petaling district recorded the highest number of marriages in 2022 for both Muslim and Non-Muslim. The number of Muslim marriages for Petaling, Selangor was 8,602 followed by Johor Bahru, Johor (7,770) and Ulu Langat, Selangor (6,347). Similarly, for Non-Muslim, the district of Petaling, Selangor recorded 3,304 marriages followed by Johor Bahru, Johor (2,676) and Klang, Selangor (2,307).*

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 23<sup>th</sup> November 2023**

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said "The number of divorces increased 43.1 per cent from 43,936 (2021) to 62,890 (2022). The number of Muslim divorces registered an increase of 45.8 per cent in 2022 (46,138) as compared to 2021 (31,650). The increase was attributed to cases that were carried forward from years. Three states recorded the high increase of Muslim divorces were Kedah (113.6%), followed by Sabah (94.5%) and Perlis (83.5%). Similarly, Non-Muslim divorces also increased 36.4 per cent from 12,286 (2021) to 16,752 (2022). Three states recorded the high increase of Non-Muslim divorces were W.P. Putrajaya (500.0%), followed by Johor (61.5%) and Melaka (59.0%). The highest number of divorces falls under the age group 35-39 years for grooms, while for brides under the age group 30-34".

*In tandem with the increase in the number of divorces, the general divorce rate for males increased from 6.1 (2021) to 8.7 (2022) per thousand population of married males aged 18 years and over. A similar trend was also observed for females, increased from 6.2 (2021) to 8.9 (2022) per thousand population of married females aged 16 years and over. The general divorce rate for Muslim males increased from 7.1 (2021) to 10.4 per thousand population of married Muslim males aged 18 years and over in 2022. A similar trend was also observed for Muslim females which increased from 7.3 (2021) to 10.6 per thousand population of married Muslim females aged 16 years and over. For Non-Muslim, the general divorce rate for Non-Muslim males increased from 4.4 (2021) to 6.1 (2022) per thousand of married Non-Muslim males aged 18 years and over. The general divorce rate for Non-Muslim females increased from 4.5 (2021) to 6.1 per thousand of married Non-Muslim females aged 16 years and over in 2022.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agriculture Development".*


**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 23<sup>th</sup> November 2023**

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.*


**Notes:**

- i. General Marriage Rate refers to the number of male marriages per thousand population of unmarried males aged 18 years and over or female aged 16 years and over.
- ii. General Divorce Rate refers to the number of male divorces per thousand population of married males aged 18 years and over or female aged 16 years and over.


**Chart 1: Number of marriages and Crude Marriage Rate (CMR), Malaysia, 2016-2022**




**Chart 2 (a): General Marriage Rate (GMR), Malaysia, 2016-2022**




**Chart 2 (b): General Marriage Rate (GMR) Muslim, Malaysia, 2016-2022**




### Chart 2 (c): General Marriage Rate (GMR) Non-Muslim, Malaysia, 2016-2022




### Chart 3 (a): Number of divorces, Malaysia, 2016-2022




### Chart 3 (b): Crude Divorce Rate (CDR), Malaysia, 2016-2022




**Chart 4 (a): General Divorce Rate (GDR), Malaysia, 2016-2022**



**Chart 4 (b): General Divorce Rate (GDR) Muslim, Malaysia, 2016-2022**



**Chart 4 (c): General Divorce Rate (GDR) Non-Muslim, Malaysia, 2016-2022**



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 23<sup>rd</sup> November 2023**

**Table 1: Number of marriages and Crude Marriage Rate (CMR) for selected country, 2021 and 2022**

Country	2021		2022	
	Number of marriages	CMR	Number of marriages	CMR
<b>Malaysia</b>	215,973	6.7	214,824	6.6
<b>Singapore</b>	28,329	6.5	29,389	6.7
<b>Kuwait</b>	16,393	6.5	13,656	4.7
<b>Palestine</b>	45,018	8.6	43,430	8.1
<b>Turkiye</b>	561,710	6.7	574,358	6.7

*Note: The rates are per 1,000 population*

*Source: National Statistical Offices*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
23 NOVEMBER 2023**